

# Live-well™ OSTESAMIN 500 Capsule

Glucosamine Sulphate (500mg).

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Live-well™ OSTESAMIN 500
2. Bagaimana Live-well™ OSTESAMIN 500 berfungsi
3. Sebelum menggunakan Live-well™ OSTESAMIN 500
4. Cara menggunakan Live-well™ OSTESAMIN 500
5. Semasa menggunakan Live-well™ OSTESAMIN 500
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Live-well™ OSTESAMIN 500
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Live-well™ OSTESAMIN 500

Live-well™ OSTESAMIN 500 digunakan sebagai terapi adjuvant untuk osteoarthritis (sakit sendi).

## Bagaimana Live-well™ OSTESAMIN 500 berfungsi

Live-well™ OSTESAMIN 500 mengandungi glukosamin. Glukosamin sulfat memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan serta mengekalkan struktur dan fungsi tulang rawan dalam sendi tulang. Glukosamin sulfat merangsang biosintesis mukopolisakarida – komponen struktur utama tulang rawan sendi yang penting untuk fungsi sendi. Glukosamin sulfat juga meningkatkan penghasilan dan kelikatan cecair sinovial, memberikan aktiviti pelincir yang lebih baik kepada sendi.

## Sebelum menggunakan Live-well™ OSTESAMIN 500

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Live-well™ OSTESAMIN 500 jika anda hipersensitif terhadap makanan laut dan glukosamin.

Jika anda mengandung atau menyusukan anak, dapatkan nasihat doktor atau pakar kesihatan sebelum mengambil produk ini.

### - Sebelum menggunakan Live-well™ OSTESAMIN 500

Anda harus mendapatkan khidmat nasihat doktor atau ahli farmasi jika mempunyai masalah kerosakan ginjal.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Kesan Glucosamine terhadap sensitiviti insulin dan toleransi glukosa adalah tidak jelas, pesakit diabetes dinasihatkan supaya memberi perhatian semasa menggunakan produk ini.

## Cara menggunakan Live-well™ OSTESAMIN 500

### - Berapa banyak harus digunakan

Ikut semua arahan yang diberikan pada sisip dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila merujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### Simptom osteoarthritis ringan atau sederhana:

Ambil satu kapsul dua kali sehari untuk sekurang-kurangnya enam minggu.

### Simptom osteoarthritis (sakit sendi) teruk:

Mula dengan satu kapsul tiga kali sehari untuk sekurang-kurangnya 8 minggu. Kemudian mengambil satu kapsul dua kali sehari untuk selama 3-4 bulan (atau seperti yang ditetapkan secara profesional).

Untuk terapi jangka panjang, rawatan harus diulangi setiap enam bulan atau pada tempoh yang lebih pendek, seperti yang ditetapkan secara profesional.

### - Bila perlu digunakan

Kapsul perlu diambil 15 minit sebelum makan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Seperti dos yang dicadangkan.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat

### - Jika mengambil berlebihan

(terlebih dos)

Hubungi ahli farmasi atau doktor anda dengan segera untuk dapatkan nasihat.

## Semasa menggunakan Live-well™ OSTESAMIN 500

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil dos anda seperti yang diberikan dalam risalah ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan produk selepas tarikh luput yang dinyatakan pada pakej selepas 'EXP'. Tarikh luput merujuk kepada hari yang terakhir bulan tersebut.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Glukosamine sulfat merawat punca osteoarthritis (sakit sendi) dan kelegaan kesakitan mengambil masa. Oleh itu, jika kesakitan yang teruk wujud dalam tempoh ini, mungkin perlu mengambil analgesik seperti aspirin atau ubat anti-radang bukan steroid (NSAID).

## Kesan-kesan sampingan

Jangan merasa bimbang dengan senarai kesan sampingan yang mungkin wujud. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

- Kardiovaskular: edema perifer (pengumpulan cecair menyebabkan bengkak), takikardia (jantung berdegup lebih cepat daripada biasa) dilaporkan pada beberapa pesakit yang terlibat dalam percubaan klinikal mengkaji pengambilan oral dalam osteoarthritis (sakit sendi). Hubungan sebab dan akibat belum diwujudkan.
- Sistem Saraf Pusat: Rasa mengantuk, sakit kepala, insomnia (sukar untuk tidur) telah dilaporkan secara jarang semasa terapi (kurang daripada 1%)
- Gastrointestinal: Loya, muntah, cirit-birit, dispepsia (senak) atau sakit epigastric, sembelit, pedih ulu hati dan tiada selera makan telah dilaporkan secara jarang semasa terapi oral glukosamin.

# Live-well™ OSTESAMIN 500 Capsule

Glucosamine Sulphate (500mg).

---

- Kulit: Reaksi kulit seperti eritema (kulit kemerahan) dan pruritus (kulit gatal) telah dilaporkan dalam pengambilan terapeutik glukosamin.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### Live-well™ OSTESAMIN 500

#### - Penyimpanan

Pastikan botol ditutup ketat. Simpan dibawah suhu 30°C.

#### - Pelupusan

Produk ini tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Dua keping, kapsul sayur-sayuran keras berwarna kuning saiz "00" yang mengandungi serbuk putih coklat terang.

#### - Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

- *Glucosamine Sulphate Sodium Chloride*

Bahan tidak aktif

- *Magnesium Stearate*
- *Corn Starch*
- *Talc*
- *Lactose Monohydrate*

#### Nombor MAL:

MAL06051564X

## Pengilang

PAHANG PHARMACY  
SDN.BHD.

Lot 5979, Jalan Teratai, 5 ½ Miles  
Off, Jalan Meru,  
41050 Klang, Selangor Darul Ehsan.

## Pemegang Pendaftaran Produk

PAHANG PHARMACY  
SDN.BHD.

Lot 5979, Jalan Teratai, 5 ½ Miles  
Off, Jalan Meru,  
41050 Klang, Selangor Darul Ehsan.

## Tarikh kemaskini RiMUP

14/03/2017

## Nombor Siri

BPFK(R4/1)060317/00014